

14 JAN 1999

Mahathir-Pemimpin

JANGAN TERPEDAYA TINGKAH LAKU PEMIMPIN, KATA DR MAHATHIR

MACHANG, 14 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri meminta rakyat negara ini supaya tidak terpedaya dengan tingkah laku yang cuba ditonjolkan seseorang pemimpin.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada pemimpin yang luarannya nampak baik tetapi peribadinya tidak seperti yang dicerminkan.

"Kita kata kita pegang kuat pada agama Islam, kita perjuangkan Islam, tetapi tindakan kita tak secocok dengan dakwaan yang dibuat oleh kita," katanya ketika berucap di hadapan kira-kira 5,000 orang pada majlis berbuka puasa di Sekolah Menengah Sains Machang di sini.

Turut hadir pada majlis itu isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali dan anggota Parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah.

"Saya sangat sedih di bulan puasa ini, ada yang menggunakan surau dan masjid untuk berucap dan mengaibkan peribadi orang lain," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat tidak harus mengikut pemimpin seumpama itu kerana ia menyimpang dari ajaran Islam.

Dalam Islam kita berhak menegur mana-mana pemimpin yang melakukan perbuatan tidak baik itu dan tidak perlu menjadi pengikutnya, jika ia enggan menerima teguran.

"Dalam sembahyang berjemaah, makmum berhak menegur imam jika imam itu salah kerana imam itu adalah pemimpin ketika dalam sembahyang.

"Apa maknanya kita mengamalkan ajaran Islam tapi cara kita, tingkah laku kita dan cakap kita tidak sesuai dengan ajaran Islam. Ini menunjukkan kita tak bersyukur," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun rakyat negara ini bebas untuk bersuara, tetapi adalah tidak baik untuk mengaibkan orang lain terutama ketika berceramah.

Perdana Menteri juga meminta rakyat supaya banyak bersyukur dengan keamanan dan kemakmuran yang dinikmati oleh mereka sekarang serta berusaha memperkuat ekonomi dan pertahanan negara.

-- BERNAMA

BD/ZI RON